



AMALAN PEMILIHAN TATABAHASA PEDAGOGI BERKONTEKS OLEH GURU BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

*PEDAGOGY GRAMMAR SELECTION PRACTICE AMONG MALAY LANGUAGE
PRIMARY TEACHER IN PRIMARY SCHOOL*

Zairosni Yusof¹, Mohd Ra'in Shaari², Adenan Ayob³

¹ Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email: ybzairosni@yes.my

² Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email: mohd.rain@fbk.upsi.edu.my

³ Universiti Pendidikan Sultan Idris

Email: adenansamsung@gmail.com

Article Info:

Article history:

Received date: 31.10.2019

Revised date: 27.11.2019

Accepted date: 14.03.2020

Published date: 15.03.2020

To cite this document:

Yusof, Z., Shaari, M. R., & Ayob, A. (2020). Amalan Pemilihan Tatabahasa Pedagogi Berkonteks oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (9), 36-43.

DOI: 10.35631/IJHPL.39005.

Abstrak:

Kajian ini memberikan fokus terhadap amalan pemilihan tatabahasa pedagogi di sekolah rendah. Dari segi tujuan, kajian ini mengkaji amalan pemilihan tatabahasa pedagogi berkonteks oleh guru Bahasa Melayu sekolah rendah. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pemilihan bahan berkонтекس dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sekolah rendah. Soalan kajian ialah: Apakah amalan pemilihan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sekolah rendah. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif menerusi kaedah tinjauan. Instrumen kajian ialah satu set soal selidik yang mengandungi 10 item dengan menggunakan skala Likert Lima Poin. Kajian ini menggunakan pensampelan berkuota yang terdiri daripada 149 orang responden, iaitu kalangan guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah rendah. Sebanyak 26 buah sekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), lapan buah sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) serta tujuh buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam daerah Gombak telah dikenal pasti sebagai lokasi kajian. Data dianalisis secara deskriptif yang dibentangkan dalam bentuk min dan sisihan piawai. Hasil kajian menunjukkan bahawa skor amalan pemilihan tatabahasa pedagogi adalah tinggi; nilai min antara 3.73 hingga 4.03, dan sisihan piawai antara 0.57 hingga 0.75. Implikasi daripada kajian ini dapat meningkatkan amalan pemilihan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu di sekolah rendah secara terancang menerusi kurikulum yang terlibat.

Kata Kunci:

Tatabahasa Pedagogi, Amalan Pemilihan, Berkonteks, Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah

Abstract:

This study focuses on the practice of selecting pedagogical grammar in primary school. In terms of objective, the study examines the selection of pedagogical grammar practices via contextual grammar by Malay Language teachers in primary schools. The objective of this study was to identify the selection of pedagogical grammar practices via contextual in teaching and learning (PDP) by the Malay Language in primary school. The research question is: What is the score of a selection of pedagogical grammar practices via contextual in teaching and learning (PDP) by the Malay Language in primary school? This study uses quantitative design through the survey method. The instrument was a set of a questionnaire containing 10 items using the Five Points Likert Scale. This study used quota sampling that consisted of 149 teachers who teach the Malay Language in primary schools. A total of 26 schools in the National School (SK), eight schools in the Chinese National Primary School (SJKC) and seven Tamil National Primary Schools (SJKT) in the Gombak district have been identified as the study locations. Data were analyzed descriptively presented in the form of mean and standard deviation. The result shows that the score of a selection of pedagogical grammar practices via contextual in teaching and learning (PDP) by Malay Language teacher in primary school is high; mean values ranged from 3.73 to 4.03, and standard deviations ranged from 0.57 to 0.75. The implications of this study highlighted that teacher can improve those practices in teaching and learning (PDP) in primary schools through a planned curriculum involved.

Keywords:

Translation Method; Eugene Nida's Theory; *Hadith* Translation Text

Pengenalan

Amalan pemilihan, penggunaan dan pemanfaatan berkonteks budaya Malaysia dalam pendidikan Bahasa Melayu terutamanya aspek tatabahasa dapat melancarkan pengajaran guru, di samping memperoleh output yang memberangsangkan daripada pelajar. Tatabahasa Pedagogi adalah tatabahasa yang digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran bahasa (Abdullah Hassan, 2008). Menurut Abdul Halim Masnan (2014), tatabahasa pedagogi adalah untuk menerangkan kandungan tatabahasa, bahan dan juga aktiviti yang dibangunkan demi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Tatabahasa pedagogi dianggap sebagai satu set alat yang mengandungi buku rujukan tatabahasa dan latihan tatabahasa. Elemen tatabahasa pedagogi menurut Abdul Halim Masnan (2014) juga bahawa ditetapkan objektif untuk pengajaran tatabahasa, menentukan peraturan tatabahasa dan menjadikannya tersedia untuk pelajar menerusi penjelasan, ilustrasi, contoh, mengenal pasti peraturan nahu oleh pelajar, merangka dan menilai latihan tatabahasa serta aktiviti yang diberikan yang bertujuan menguji kecekapan dan prestasi. Dengan maksud lain, semua aspek ini berkaitan dengan konsep teoretikal dan metodologi pengajaran serta penguasaan kognitif pelajar dalam aspek tatabahasa (Adenan Ayob & Khairuddin Mohamad, 2012). Semua elemen ini perlu dititikberatkan demi memastikan penguasaan tatabahasa dalam kalangan pelajar adalah matang dan mantap.

Elemen tatabahasa pula merupakan komponen utama dalam pengajaran bahasa (Garcia, 2010). Wujud pendapat sebelum ini bahawa tatabahasa perlu diterokai dan difahami dengan jelas oleh

murid, sama ada di peringkat rendah ataupun tinggi (Hutson, 2006). Penguasaan aspek tatabahasa membolehkan murid menguasai bahasa dengan mudah (Faizah Ja'apar, 2017) serta mahir dan cekap (Mohamed, 2018). Kejayaan dan keberkesanan pengajaran guru di dalam bilik darjah amat berkait rapat dengan kebertanggungjawaban (Weaver, 2008; Youssif Zaghwani Omar Assistant & Youssif Zaghwani Omar, 2017), di samping mempunyai kecukupan dan kecekapan ilmu yang mantap untuk mengaplikasikan amalan pedagogi tatabahasa dengan berkesan (Mohamed, 2018).

Amalan pengajaran guru dalam bilik darjah juga berkait rapat dengan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran (Faizah Ja'apar, 2017). Sebelum ini wujud pandangan yang selari, iaitu daripada Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid dan Kartini Abd Wahab (2016), bahawa penting bagi guru memupuk daya kreativiti dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran di dalam kelas. Di peringkat awal lagi Abdullah Hassan (2008) telah menegaskan bahawa guru yang berkesan dalam menggunakan PdP mampu menyesuaikan bahan pengajaran dengan pengalaman sebenar pelajar mampu merangsang penglibatan (Jack C. Richards, 2014). Hal ini demikian kerana penyesuaian bahan pengajaran ini mewujudkan makna kepada kehidupan pelajar (Kiss & Lin, 2016). Hakikatnya juga, jika dikaitkan dengan pandangan sebelum ini, penggunaan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dilaksanakan dan perlu diadun bersama prinsip amalan tatabahasa pedagogi yang sebenarnya seperti yang telah dibincangkan oleh Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob dan Abdullah Yusof (2015). Penggunaan bahan berkonteks ini mendimensikan kepada pengajaran tatabahasa pedagogi kepada pelajar-pelajar haruslah mengikut konteks budaya di Malaysia dan cuba memperjelaskan tentang sikap, persepsi dan komunikasi dalam kalangan guru yang memainkan asas penting dalam pengajaran tatabahasa. Hal ini bermakna, pengajaran tatabahasa perlu melihat fungsinya sebagai tatabahasa komunikasi di samping penggunaan bahan sebagai medium pengajaran beracuankan konteks budaya di Malaysia.

Pernyataan Masalah

Kajian terhadap amalan Tatabahasa Pedagogi (TP) yang memenuhi prinsip tatabahasa pedagogi yang sebenarnya dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah (SK dan SJK) menjadi isu perbincangan dalam kajian ini. Walaupun merupakan mata pelajaran yang utama dalam sistem pendidikan dan aspek tatabahasa merupakan elemen utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, namun kajian mengenai amalan tatabahasa pedagogi dengan berdasarkan persepsi guru di SK dan SJK sukar dikenal pasti (Abdul Halim Masnan, 2014). Kekangan dalam pengenalpastian amalan ke arah memenuhi prinsip tatabahasa pedagogi yang sebenarnya ini menjadi pendorong untuk kajian ini dilaksanakan.

Terdapat banyak kajian yang menumpukan terhadap elemen tatabahasa dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan ini mengajarkan elemen tatabahasa merujuk kepada gagasan tatabahasa pegangan dan tatabahasa pedagogi di sekolah. Hal ini bermakna, pengaplikasian tatabahasa pegangan merujuk kepada penggunaan Tatabahasa Dewan oleh tokoh-tokoh tatabahasa, manakala terdapat juga gagasan tatabahasa disandarkan berdasarkan amalan tatabahasa pedagogi oleh Abdullah Hassan (2008). Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian-kajian lain yang meneliti aspek tatabahasa di sekolah yang mengambil kira gagasan dan kupasan pakar-pakar tatabahasa lain (Nurulain Hamzah, 2018).

Dalam konteks ini, pengkaji dapat merumuskan beberapa fenomena permasalahan dalam penelitian kajian tatabahasa yang dilakukan serta impaknya dalam hasil sesuatu kajian (Nurulain Hamzah, 2018). Oleh itu, pengkaji merumuskan terdapat tiga kategori fenomena yang didapat dicungkil daripada kajian-kajian lalu iaitu: (i) Kajian Tatabahasa Pedagogi Aras

Tinggi, (ii) Kajian Tatabahasa Pedagogi Berkonteks dan (iii) Kajian Tatabahasa Pedagogi Rujukan. Ketiga-tiga fenomena ini dikupas dalam fokus kajian ini.

Kajian terhadap amalan pemilihan tatabahasa pedagogi berkonteks dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah (SK dan SJK) menjadi isu perbincangan dalam kajian ini. Kajian ini merujuk kepada pengajaran tatabahasa pedagogi kepada pelajar-pelajar yang harus mengikut konteks budaya di Malaysia. Pengoptimalan berkonteks dalam PdP bahasa Melayu memberikan dampak psikologi kepada guru (Nurulain Hamzah, 2018). Dengan ini, guru lebih yakin dalam menyampaikan isi-isi pelajaran kepada pelajar. Jika dilihat secara mendalam, sebenarnya pemilihan bahan berkonteks yang bertepatan mampu memudahkan dan memperlancarkan lagi kefahaman pelajar untuk belajar. Sebelum ini wujud pandangan bahawa pemilihan berkonteks pembelajaran dalam proses pengajaran dapat membangkitkan keinginan dan minat yang baharu, motivasi dan merangsang sikap pelajar, selain membawa pengaruh-pengaruh psikologis terhadap pelajar (Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob & Abdullah Yusof, 2015). Penggunaan media berkonteks pada tahap orientasi pengajaran dapat membantu keefektifan proses pembelajaran dan penyampaian isi pelajaran dengan efisien. Menurut Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob dan Abdullah Yusof (2015), cara ini dapat membantu pelajar meningkatkan pemahaman, menyajikan data dengan menarik dan terpercaya, memudahkan menafsirkan dan memadatkan informasi mengenai tatabahasa Bahasa Melayu (Nurulain Hamzah, 2018).

Walau bagaimanapun, kajian tentang pengenalpastian amalan pemilihan berkonteks di sekolah rendah masih belum diteliti secara mendalam dalam kalangan para pengkaji. Kekangan dalam pemilihan konteks bahan pengajaran, elemen kandungan, amalan prosedur serta dalam tatabahasa pedagogi Bahasa Melayu sekolah rendah yang memenuhi prinsip tatabahasa pedagogi yang sebenarnya ini menjadi pendorong utama kajian ini dilaksanakan.

Banyak pandangan sarjana pendidikan Bahasa Melayu tentang amalan pedagogi. Antaranya Abdul Halim Masnan (2014) dan Mohd Rain Shaari, Adenan Ayob dan Abdullah Yusof (2015) dan Faizah Ja'apar (2017). Kajian-kajian tersebut didapati meneliti amalan tatabahasa pedagogi berdasarkan pemahaman budaya dalam pengajaran Bahasa Melayu itu sendiri. Ini termasuk Malini Witmuishwara dan Anuar Ahmad (2015). Pengaruh-pengaruh luar seperti sikap, persepsi dan komunikasi guru memainkan peranan penting dalam pengajaran tatabahasa. Hal ini bermakna bahawa pengajaran tatabahasa perlu dilihat fungsinya sebagai tatabahasa komunikasi (Nurulain Hamzah, 2018).

Daripada gagasan yang dikupas, nyata pelbagai kajian dan penelitian telah dilaksana dan dijalankan oleh pengkaji-pengkaji bahasa, namun satu kajian yang berlandas dan bertunjangkan bentuk amalan tatabahasa pedagogi yang sebenarnya masih samar dan masih lompang. Walaupun kajian ini baik, namun tidak secara menyeluruh. Oleh itu, wajar satu kajian selanjutnya dilaksanakan untuk menelaah perspektif ini secara holistik dan untuk dilaksanakan. Oleh itu, bertepatan sekali bahawa kajian yang dilaksanakan ini ialah satu usaha ke arah mengisi kelompongan, kekurangan dan kelonggaran kajian-kajian yang telah dilaksanakan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti amalan pemilihan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sekolah rendah.

Soalan Kajian

Soalan kajian ialah:

Apakah amalan pemilihan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu sekolah rendah.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif melalui analisis deskriptif. Instrumen kajian ini ialah satu set soal selidik yang merangkumi 10 item soalan soal selidik yang berkaitan dengan pemilihan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang menggunakan pautan *URL* yang dibina melalui *Google Drive* dan dihantar kepada responden melalui aplikasi *WhatsApp, Telegram dan Facebook*. Responden kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah (SK, SJKC dan SJKT) dalam daerah Gombak, Selangor. Sebanyak 26 buah sekolah di Sekolah Kebangsaan (SK), lapan buah sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan tujuh buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dalam daerah Gombak terlibat secara rawak bertujuan (*purposive sampling*) dalam kajian ini. Batasan kajian hanya melibatkan 149 orang responden yang terdiri daripada 34 orang responden lelaki dan 115 orang responden perempuan daripada sebelas buah sekolah. Hal ini secara tidak langsung telah memaparkan peratusan yang berbeza bagi kedua-dua jenis jantina tersebut, iaitu 22.8% bagi responden lelaki dan 77.2% bagi responden perempuan. Namun begitu, perbezaan yang terdapat dalam bilangan atau kekerapan kedua-dua jenis jantina ini tidak mempengaruhi hasil kajian kerana perkara yang dinilai adalah berdasarkan tahap amalan penggunaan bahan berkonteks dalam PdP mereka. Oleh sebab penyelidikan ini berkaitan dengan guru Bahasa Melayu, jadi populasi yang terlibat dalam penyelidikan ini ialah semua guru Bahasa Melayu. Data dan maklumat yang diperoleh dianalisis dalam bentuk data kuantitatif. Data kuantitatif diperlukan dalam membuktikan kesahihan data yang diperoleh. Bagi menganalisis data yang bersifat kuantitatif ini memerlukan statistik. Soal selidik akan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Science* (SPSS) versi 23.0. Analisis yang digunakan ialah peratusan, min dan sisihan piawai.

Kajian Rintis dan Kebolehpercayaan Instrumen

Untuk memantapkan dan meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang dilaksanakan, kajian rintis dijalankan terhadap item-item soal selidik kepada guru yang menyerupai responden dalam kajian sebenar. Kajian rintis merupakan satu mekanisme untuk mengenal pasti masalah yang berkemungkinan timbul ketika melaksanakan kajian sebenar. Seterusnya bagi menguji kebolehpercayaan instrumen kajian pula, kajian rintis telah dijalankan dalam kalangan 36 orang guru sekolah rendah dalam daerah Gombak yang dipilih secara rawak mudah. Dapatkan nilai koefisyen kebolehpercayaan Alpha adalah seperti yang dipaparkan dalam Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha

Subskala	Nilai Cronbach Alpha (α)
Amalan Pemilihan Tatabahasa Pedagogi (10 item)	0.944

Daripada Jadual 1, dapatan kajian rintis menunjukkan nilai koefisyen kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang diperoleh bagi soal selidik adalah tinggi iaitu memperoleh nilai sebanyak 0.944. Justeru, dapatan ini membuktikan bahawa instrumen kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi serta positif dan sesuai digunakan untuk analisis lanjutan.

Analisis Data dan Dapatan

Dapatan Amalan Pemilihan Bahan Berkonteks

Analisis statistik deskriptif yang melibatkan skor min dan sisihan piawai dijalankan untuk mengenal pasti tahap amalan pemilihan bahan berkonteks dalam PdP bahasa Melayu. Skala likert lima mata digunakan untuk menganalisis skor maksimum 5.0 dan skor minimum 1.0. Julat min ditafsirkan kepada tiga tahap iaitu tahap tinggi, tahap sederhana dan tahap rendah. Tahap tinggi dan tahap sederhana dikelaskan sebagai sesuatu yang positif, manakala tahap rendah dikelaskan sebagai sesuatu yang negatif. Julat min ini berdasarkan Pallant (dalam Nurulain Hamzah, 2018). Jadual 2 menunjukkan tahap amalan berdasarkan nilai skor min serta sisihan piawai suskala yang berkaitan dalam kajian ini.

Jadual 2: Nilai Skor Min Serta Sisihan Piawai Item Kajian. Diadaptasi daripada Nurulain Hamzah (2018)

Item	Min	Sisihan Piawai (SP)	Tahap Amalan
Saya memahami konsep bahan berkonteks.	3.99	0.68	Tinggi
Saya suka menggunakan bahan berkonteks sepanjang pengajaran tatabahasa bahasa Melayu.	3.93	0.64	Tinggi
Saya mempelbagaikan bahan berkonteks dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) mengikut aras dan kemampuan pelajar.	3.97	0.62	Tinggi
Saya menggunakan bahan sastera dan bukan sastera dalam pengajaran tatabahasa.	3.93	0.75	Tinggi
Saya menggunakan bahan audio dan video dalam pengajaran tatabahasa.	3.73	0.82	Tinggi
Bahan berkonteks amat membantu saya dalam penyampaian tatabahasa bahasa Melayu kepada pelajar.	4.03	0.66	Tinggi
Murid dapat mengaplikasi aspek tatabahasa dengan baik selepas penggunaan bahan berkonteks dalam aspek morfologi dan sintaksis.	3.95	0.64	Tinggi
Saya mendapat respons yang positif daripada pelajar saya selepas penggunaan bahan berkonteks.	3.93	0.64	Tinggi
Berlaku peningkatan prestasi murid dalam aspek tatabahasa.	3.97	0.57	Tinggi

Saya mendapat sokongan yang positif dari pihak pentadbir tentang penggunaan bahan berkonteks.	3.97	0.66	Tinggi
---	------	------	--------

Dalam Jadual 2, dapatan deskriptif menunjukkan bahawa secara keseluruhannya tahap skor min bagi sepuluh item pemilihan bahan berkonteks kajian adalah berada pada interpretasi tinggi. Nilai skor min bagi kesepuluh item ini adalah antara 3.73-4.03 dengan sisihan piawai 0.57 hingga 0.82.

Secara keseluruhannya, daripada 10 item yang dikaji menunjukkan hasil yang tinggi bagi item C5 iaitu guru menggunakan bahan audio dan video dalam pengajaran tatabahasa dalam proses PdP di dalam kelas. Dapatkan ini membuktikan bahawa pengajaran tatabahasa pedagogi yang betul adalah penggunaan bahan berkonteks dalam PdP. Ini jelas menunjukkan bahawa, guru-guru dalam Daerah Gombak mengajarkan tatabahasa dengan menggunakan bahan berkonteks yang bersifat audio dan video. Justeru, dapat dirumuskan bahawa tahap amalan pemilihan bahan berkonteks Bahasa Melayu menurut pandangan guru dalam kajian ini adalah pada tahap yang tinggi.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, terbukti melalui kajian bahawa amalan pemilihan bahan berkonteks bahasa Melayu dalam kalangan guru daerah Gombak, Selangor berada pada tahap tinggi dan dampaknya menjelaskan bahawa para guru bahasa Melayu menggunakan bahan berkonteks dalam pengajaran mereka di dalam kelas. Justeru pihak yang berwajib di sekolah harus meneroka dan mempelbagaikan dimensi penggunaan bahan berkonteks dan jenis-jenis bahan serta kepelbagaian aktiviti berkonteks untuk mendapat *output* yang berkesan serta pelajar-pelajar mendapat pemanfaatan daripada bahan berkonteks tatabahasa serta sebagai medium pembelajaran berguna sebagai alat bantu yang ikut mempengaruhi iklim, kondisi, dan lingkungan belajar yang diciptakan oleh guru sebagai rangsangan positif dalam proses pembelajaran bahasa Melayu pelajar.

Rujukan

- Abdul Halim Masnan (2014). *Amalan pedagogi guru permulaan*. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Abdullah Hassan (2008). *Tatabahasa pedagogi untuk kegunaan sekolah menengah*. Kuala Lumpur: PTS.
- Adenan Ayob dan Khairuddin Mohamad. (2012). *Kaedah pengajaran Bahasa Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Faizah Ja'apar (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Garcia, R. L. (2010). Why Cognitive Grammar Works in the L2 Classroom: A Case Study of Mood Selection. *AILA Review*, (23), 72-94.
- Hutson, P. C. (2006). *The essentials of grammar instruction: Keeping it structured, sequential and multisensory*. Indianapolis, IN: Dog Ear Publishing.
- Jack C. Richards (2014). Towards Pedagogy of Grammar Instruction. *RELC Journal*, Vol. 45 (1) 5-25.
- Kiss, T. & Lin, C. (2016). Beliefs, Knowledge and Practices of Grammar Pedagogy: Teaching Dyslexic Learners. *Malaysian Journal of ELT Research*, Vol. 12 (1), pp. 37-59.
- Malini Witmuishwara & Anuar Ahmad. (2015). Pengaruh Etnik Terhadap Kualiti Pengajaran Guru di Bilik Darjah: Satu Kajian Perbandingan Antara Sekolah Rendah Kebangsaan

- dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil. Diperoleh daripada sumber <https://www.academia.edu/16515003/>, pada 15 Mac 2019.
- Mohamed, W. A. (2018). Libyan students' perception of IELTS preparation and classroom realities: Cases from the United States. *Benghazi: Research and Consulting Center*, pp. 107-138.
- Mohd Asri Harun, Zulkifley Hamid dan Kartini Abd Wahab (2016). Melahirkan warga yang berketerampilan bahasa: Kajian hubungan antara pengetahuan dengan amalan komunikatif dalam kalangan guru Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9): 32-45.
- Mohd Ra'in Shaari, Adenan Ayob & Abdullah Yusof (2015). *Pembinaan Tatabahasa Pedagogi Bahasa Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurulain Hamzah (2018). *Pengaruh kepimpinan guru terhadap penambahbaikan amalan dan budaya pedagogi di Sekolah Rendah Kebangsaan di dalam daerah Petaling Perdana*. Tesis sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tidak diterbitkan).
- Weaver, C. (2008). *Grammar to enrich and enhance writing*. Portsmouth, NH: Heinemann.
- Youssif Zaghwani Omar Assistant & Youssif Zaghwani Omar (2017). Teaching Pedagogical Grammar in Context to Enrich English Language Learners' Academic Writing. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation*. Retrieved on December 21, 2019 from <http://www.unikoblenz.de/~harbusch/pg.html>.